




Pelajar UPM Praktik Kemahiran Berkhatan



Kanak-kanak Rumah Nur Salam gembira ketika dimandikan beramai-ramai.

KUALA LUMPUR, 27 Nov – Pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Putra Malaysia (UPM) membantu proses berkhatan kanak-kanak Rumah Nur Salam.

Seramai 22 kanak-kanak dikhatankan oleh doktor dari Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM) dengan dibantu oleh 44 pelajar perubatan tahun ketiga UPM.

Dekan FPSK, Prof. Dr. Norlijah Othman berkata Program Amal Kasih Medik itu adalah sebahagian daripada usaha komuniti yang dianjurkan, termasuk mendekati masyarakat.



Para ibu membantu mengeringkan anak-anak mereka.

“Selain berbakti kepada kanak-kanak itu, usaha murni ini turut memberi pendedahan kepada 44 pelajar perubatan tahun tiga UPM.

Mereka ini berperanan sebagai pembantu kepada dua doktor pakar PPIM untuk melakukan upacara khatan kepada kanak-kanak Rumah Nur Salam yang menyertai program ini,” katanya.

Bagi menghidupkan lagi suasana, beberapa anggota pasukan Bomba dan Penyelamat dari Balai Bomba dan Penyelamat Chow Kit, menyiram air kepada kanak-kanak berkenaan sebelum mereka dikhatankan.



Kanak-kanak selepas dikhatankan.

Program anjuran Kelab Perubatan Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama PPIM dan Rumah Nur Salam yang terletak di Chow Kit di sini.



Mahadi, kanak-kanak paling muda dikhatankan.

"Saya seronok disimbah air pancutan daripada pili bomba bersama rakan-rakan lain dan menganggap diri sudah dewasa apabila menempuh pengalaman istimewa ini," kata Mahadi, 3 tahun yang merupakan satu-satunya kanak-kanak dari Afghanistan dan termuda.



Prof. Norlijah bersama kanak-kanak Rumah Nur Salam.

Berita ditulis oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat (Mohd Faisal Md Noor 03-89467467), Gambar disumbangkan oleh Unit Foto BKK 03-89466199).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia